

**SKIM PERKHIDMATAN
OPERATOR LOJI**

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
GREED JAWATAN/GAJI	: H11, H14
TARIKH KUAT KUASA	: 1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN	<ol style="list-style-type: none">1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(a) warganegara Malaysia;(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;(c) <ol style="list-style-type: none">(i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;(ii) sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan(iii) berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM896.15).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	<ol style="list-style-type: none">2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	<ol style="list-style-type: none">3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	<ol style="list-style-type: none">4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	<ol style="list-style-type: none">5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	<ol style="list-style-type: none">6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED H14

10. Operator Loji Gred H11 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Operator Loji Gred H14 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (d) memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 1 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 1 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- (e) disahkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan sebagai cekap mengendalikan Loji Pembakaran Dalam Melebihi 100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya melebihi 100 kaki persegi mana yang berkenaan; dan
- (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H17 ATAU PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J17

11. Operator Loji yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17 atau Penjaga Jentera Elektrik Gred J17 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Operator Loji yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).